



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 115/2003

PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING (LEMBAGA RAYUAN) 2003

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* :

21 April 2003

Tarikh mula berkuatkuasa :

21 April 2003

SUSUNAN PERATURAN

[Mukadimah.](#)

- Peraturan 1. [Nama dan permulaan kuat kuasa.](#)
- Peraturan 2. [Tafsiran.](#)
- Peraturan 3. [Notis rayuan.](#)
- Peraturan 4. [Kuasa dan fungsi Lembaga Rayuan.](#)
- Peraturan 5. [Perintah Lembaga Rayuan.](#)
- Peraturan 6. [Penyampaian notis dan dokumen.](#)
- Peraturan 7. [Peralihan.](#)

Mukadimah.

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) dan perenggan 51(1)(f) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [*Akta 127*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Peraturan 1. Nama dan permulaan kuat kuasa.

(1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Lembaga Rayuan) 2003**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 21 April 2003.

Peraturan 2. Tafsiran.

Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Lembaga Rayuan" ertinya Lembaga Rayuan yang dilantik di bawah seksyen 36 Akta;

"notis" ertinya notis yang disebut dalam subperaturan 3(1);

"perayu" ertinya mana-mana orang yang mengemukakan rayuan mengikut peraturan 3.

Peraturan 3. Notis rayuan.

(1) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen 35 (1) Akta boleh, dalam masa 30 hari dari tarikh keputusan itu diberitahu kepadanya, memberikan notis secara bertulis bahawa dia berhasrat hendak merayu terhadap keputusan itu.

(2) Notis itu hendaklah dihantar kepada Lembaga Rayuan dan hendaklah menyatakan dengan tepat terhadap keputusan yang mana perayu itu terkilan.

(3) Perayu boleh, tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas menghantar notis, mengemukakan alasan-alasan rayuan dan apa-apa dokumen lain yang perlu bagi maksud rayuan itu.

(4) Satu salinan notis dan satu salinan alasan-alasan rayuan dan dokumen lain yang disebut dalam subperaturan (3) hendaklah dihantar kepada Ketua Pengarah pada masa yang sama notis, alasan dan dokumen lain itu dihantar kepada Lembaga Rayuan.

Peraturan 4. Kuasa dan fungsi Lembaga Rayuan.

(1) Lembaga Rayuan hendaklah menimbangkan sesuatu rayuan berdasarkan alasan-alasan rayuan perayu, alasan-alasan bagi keputusan Ketua Pengarah dan juga dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada Lembaga Rayuan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Lembaga Rayuan mempunyai budi bicara—

(a) untuk mendengar perayu sendiri atau melalui wakilnya; dan

(b) untuk menimbangkan apa-apa keterangan tambahan atau dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh perayu atau wakilnya.

(3) Jika Lembaga Rayuan menggunakan budi bicaranya di bawah subperaturan (2), Ketua Pengarah atau wakilnya hendaklah diberikan peluang untuk mengulas atau mematahkan apa-apa keterangan yang diberikan atau dokumen yang dikemukakan oleh perayu atau wakilnya.

(4) Lembaga Rayuan hendaklah, selepas mendengar rayuan di bawah subperaturan (1), mengemukakan kepada perayu dan Ketua Pengarah alasan-alasan keputusannya berkenaan dengan perkara yang dirayu itu.

Peraturan 5. Perintah Lembaga Rayuan.

(1) Lembaga Rayuan boleh, selepas menimbangkan apa-apa rayuan, membuat perintah sebagaimana yang difikirkannya adil dan patut.

(2) Perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan di bawah subperaturan (1) adalah muktamad dan tiada rayuan boleh dibuat mengenainya.

Peraturan 6. Penyampaian notis dan dokumen.

(1) Apa-apa notis dan dokumen lain yang berkaitan dengan sesuatu rayuan hendaklah, melainkan jika dihantar dengan tangan, dihantar melalui pos berdaftar akuan penerima.

(2) Apa-apa notis dan dokumen lain yang berkaitan dengan sesuatu rayuan hendaklah dibuat dalam dua salinan.

Peraturan 7. Peralihan.

Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah yang dibuat 30 hari sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini boleh merayu kepada Lembaga Rayuan mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

Dibuat 16 April 2003

[AS(S)91/110/919/013; PN(PU²)280/VII]

DATO' SERI LAW HIENG DING
Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar

Copyrights Reserved

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD